



SEBUAH keluarga membersihkan perabot selepas rumah mereka yang terjejas akibat banjir teruk di Puncak Alam, Kuala Selangor, baru-baru ini. - UTUSAN/IZHAM JAAFAR

Pembangunan pesat punca banjir

KUALA SELANGOR 2 Dis. - Penduduk di Puncak Alam di sini mendakwa pembangunan pesat adalah antara punca utama berlakunya bencana banjir paling buruk dalam tempoh lima tahun di daerah ini.

Seorang penduduk, **Hamzah Muhammad**, 58, berkata, kawasan Puncak Alam kini telah membangun tetapi malangnya sistem takungan dan perparitan tidak dinaik taraf sehingga menyebabkan kawasan itu gagal menampung jumlah hujan.

Menurutnya, limpahan air yang menyebabkan banjir itu kemudiannya turun ke taman-taman perumahan terutama di Kampung Bukit Cherakah dan Kampung Bukit Hijau.

"Keadaan diburukkan lagi dengan jumlah taburan hujan yang banyak dan berlaku fenomena air laut pasang sekali gus menyebabkan air sungai tidak dapat mengalir ke laut.

"Ini terbukti apabila Puncak Alam dilanda banjir, beberapa hari selepas itu kawasan kami pula banjir," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.



HAMZAH MUHAMMAD



RAMDAN TARAM



MAT RASHID ARAN

Seorang lagi penduduk, **Ramdan Taram**, 41, pula memberitahu, meskipun kawasan terjejas merupakan lokasi yang sering dilanda banjir, namun bencana pada kali ini lebih teruk.

"Kami tidak menjangkakan banjir berlaku seburuk ini dengan kira-kira 50 peratus daripada lokasi melibatkan kawasan yang tidak pernah dinaiki air sebelum ini.

"Ramai penduduk yang tidak bersedia dan air pula naik dengan pantas hingga paras betis di dalam rumah serta paras pinggang di luar rumah sekali gus menyebabkan banyak barang tidak sempat diselamatkan," ujarnya.

Sementara itu, penduduk Kampong Parit Mahang, **Mat Rashid Aran**, 63, menjelaskan, mereka bukan sahaja terpaksa tinggal di pusat pemindahan tetapi juga menanggung kerugian akibat kerosakan harta benda serta kehilangan sumber pendapatan.

"Saya harap pihak berwajib mengambil tindakan segera bagi mengelak bencana ini berulang. Ini kerana banjir itu bukan sahaja menyusahkan penduduk tetapi turut merugikan kami.

"Saya hilang punca pendapatan dengan sekelip mata apabila 200 ekor ayam ternakan mati akibat bencana itu," ujarnya.